

Bekerja dari rumah strategi baharu tingkat kualiti pekerja

Pendekatan bekerja dari rumah diperkenalkan rentetan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diaku kuasa kerajaan sebagai langkah memutuskan rantai jangkitan COVID-19.

Alternatif cara bekerja baharu ini bertujuan menjamin kesinambungan fungsi perkhidmatan awam supaya tidak terhenti atau terganggu, terutama dalam tempoh krisis masa kini.

Bagi kakitangan swasta, pelaksanaan konsep ini dimulakan lebih awal, iaitu sebaik PKP dikuatkuasakan pada Mac lalu.

Dua domain utama konsep bekerja dari rumah. Pertama membatikan infrastruktur dan kelengkapan untuk membolehkan

konsep ini berjaya seperti peranti, perisian dan rangkaian internet. Majikan bertanggungjawab memastikan pekerja mempunyai kemudahan ini.

Kedua, tidak semua bidang pekerjaan sesuai menggunakan konsep ini. Selain kelompok perkhidmatan penting ditetapkan pihak berkuasa, bidang pekerjaan lain yang sesetengahnya tidak sesuai dilaksanakan dari rumah antaranya membatikan industri pembuatan atau perlilangan, perkhidmatan

langsung seperti perkhidmatan pembersihan dan sebagainya.

Hanya individu profesional, cekap, terlatih serta berpengalaman lazimnya boleh melaksanakan tugas dari rumah secara berkesan. Bagi pekerja baharu, kurang terlatih dan memerlukan penyeliahan berterusan, cara konvensional bekerja di pejabat masih diperlukan.

Bekerja dari rumah memberi kebebasan sepenuhnya kepada pekerja untuk melaksanakan tugas tanpa dipantau pegawai atasan dalam persekitaran pejabat. Melaluiinya, pekerja dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk menghasilkan output dengan kualiti dan kuantiti diharapkan.

Nilai dan integriti individu elemen penting dalam menjayakan konsep bekerja dari rumah.

Bagi pekerja yang sering culas, ponteng dan curi tulang, bekerja dari rumah memberi makna berbezra kepada mereka dan menimbulkan banyak masalah kepada majikan.

Antaranya seperti pekerja tidak dapat dihubungi dan berada di luar kawasan, selain pelbagai alasan diberi yang kadang kala tidak masuk akal.

Konsep bekerja dari rumah bukan perkara baharu, bahkan sudah diperaktik di negara Eropah dan Amerika Sya-

rikat (AS) oleh syarikat teknologi multinasional.

Di AS umpamanya, peningkatan ketara pekerja mempraktikkan bekerja dari rumah direkodkan sekitar 3.3 peratus pada 2000, diikuti 6 peratus pada 2017 kepada lebih 64 peratus hari ini.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah yang bekerja dari rumah mencecah 43.7 peratus berbanding keseluruhan pekerja di negara ini sebaik PKP kali pertama diperkenalkan.

Selain memberikan keanjalan tempoh bekerja kepada pekerja, banyak faedah lain dinikmati antaranya tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan perjalanan harian untuk pergi dan pulang bekerja, selain dapat mengelakkan pembazirkan masa mengharungi lalu lintas mahupun mendapatkan pengangkutan awam yang sesak.

Bagi ibu bapa yang menguruskan persekolahan anak, ruang waktu secukupnya boleh diatur untuk menghantar dan mengambil anak bersekolah.

Antara faedah bekerja dari rumah kepada majikan pula penjimatan perbelanjaan pejabat, termasuk perkakasan pejabat dan perbelanjaan utiliti dengan kehadiran minimum pekerja di pejabat.

Keperluan ruang pejabat juga boleh dikecilkan dengan mengamalkan per-

kongsian ruang kerja dalam jangka masa panjang. Syarikat ternama seperti Dell umpamanya berjaya menikmati penjimatan tidak kurang AS\$12 juta setahun di ibu pejabatnya di Texas sepanjang 2019 hasil dasar bekerja dari rumah.

Realitinya, selain peranan dan tanggungjawab pekerja melunaskan tugas mereka di rumah, majikan juga harus melihat kekangan dan isu berkaitan dengan kemudahan dan kelengkapan untuk memastikan konsep bekerja dari rumah seperti diharapkan.

Untuk mewujudkan suasana kondusif dan kepada semua pekerja di negara ini, pihak berkuasa juga diharap memainkan peranan antaranya menyediakan infrastruktur rangkaian jalur lebar lebih pantas dan menyeluruh di semua kawasan.

Jika dilaksanakan dengan jujur dan berintegriti, bekerja dari rumah bukan sahaja akan menjadi norma baharu pasca COVID-19 bahkan berpotensi dijadikan strategi baharu majikan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil kerja pada masa hadapan.

Penulis adalah Ketua Unit Komunikasi Korporat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak



Dr Mohd
Fadzil
Mat Yasin